

# Najib terima darjah kebesaran Raja Perlis

UM-21/5/2007

KANGAR 20 Mei - Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menerima Darjah Seri Setia Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (SSSJ) yang membawa gelaran Datuk Seri Diraja di Istana Arau di sini, malam ini.

Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail menganugerahkan darjah tersebut kepada beliau sempena ulang tahun keputeraan baginda ke-64 pada Rabu lepas.

Turut berangkat pada majlis itu ialah Raja Perempuan Perlis Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid, Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Tuanku Lailatul Shahreen Akashah.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor serta anggota Exco kerajaan negeri.

Selepas menyampaikan anugerah itu, Raja Perlis berkenan menerima menghadap Najib di Bilik Kuning istana itu.

Timbalan Perdana Menteri kemudian menghadiri majlis santapan diraja sebelum pulang ke Kuala Lumpur.

Terdahulu, ketibaan beliau dan isteri di Padang Bandaran Kangar petang tadi, disambut Shahidan dan anggota Exco kerajaan negeri serta barisan kepimpinan tertinggi UMNO negeri.

Beliau kemudian memeriksa perbarisan 120 pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dari tiga kem latihan iaitu Kem Tasoh, Kem Tasik Meranti dan Kem Guar Chenderai.

Najib kemudiannya menghadiri jamuan minum petang di pekarangan Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

- Bernama

**RAJA** Perlis menganugerahkan Darjah Seri Setia Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail (SSSJ) kepada Najib Tun Abdul Razak sempena ulang tahun hari keputeraan baginda di Istana Arau, semalam. Upacara itu turut disaksikan Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail (kiri).

- Gambar NIDZUWAN ZAINAL ABIDIN

